

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
(PADANG BESAR)**  
**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN : 29**

**Datuk Zahidi Zainul Abidin minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**  
menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kenderaan yang telah diberikan AP pada tahun 2015 dan tahun ini dan berapakah syarikat yang terlibat; dan
- (b) adakah Kementerian akan memberi kelonggaran kepada rakyat untuk mendapatkan AP Persendirian.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lesen Import (AP) yang diluluskan kepada syarikat bagi pengimportan kereta

penumpang dan motosikal dalam bentuk siap sepenuhnya (CBU) dikategorikan kepada dua iaitu AP Terbuka dan AP Francais. Jumlah AP kereta penumpang dan motosikal CBU yang telah diluluskan pada tahun 2015 dan tahun ini adalah seperti berikut:

Tahun	Kereta (Unit)			Motosikal (Unit)		
	Terbuka	Francais	Jumlah	Terbuka	Francais	Jumlah
2015	<b>27,335</b>	<b>57,014</b>	<b>84,349</b>	<b>3,824</b>	<b>15,871</b>	<b>19,695</b>
2016 (hingga April)	<b>10,128</b>	<b>20,256</b>	<b>30,384</b>	<b>537</b>	<b>3,063</b>	<b>3,600</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah syarikat pemegang AP adalah seperti berikut:

- i. syarikat AP Terbuka kereta adalah sebanyak 100 syarikat, manakala syarikat AP Terbuka motosikal adalah sebanyak 76 syarikat; dan
- ii. syarikat AP Francais kereta adalah sebanyak 18 syarikat, manakala syarikat AP Francais motosikal adalah sebanyak 19 syarikat.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang membuat beberapa penambahbaikan ke atas dasar AP Persendirian sedia ada.